


KATEKESE@RUMAH 2021 #15

KERAJAAN ALLAH UMPAMA BIJI SESAWI

(Hari Minggu Biasa Ke-11)



Disediakan oleh Pusat Katekatikal Keuskupan,
Keuskupan Agung Kuala Lumpur



PENGENALAN

Bahan ini telah disediakan sebagai satu peluang untuk keluarga berkumpul dan meluangkan masa bagi berbincang dan membuat refleksi tentang Bacaan Injil bagi Hari Minggu Biasa Ke-11.

BAGAIMANA CARANYA UNTUK MENGGUNAKAN BAHAN INI

Dokumen ini mengandungi pelbagai jenis aktiviti, yang mana ahli keluarga boleh menyelesaiakannya secara persendirian (hanya kanak-kanak sahaja), secara berdua (dengan bantuan ibu/bapa), atau sebagai satu keluarga. Ibubapa disarankan untuk mencetak bahan ini, agar setiap ahli keluarga dapat bersama-sama menjalankan semua aktiviti pada masa yang sama.

BILA PERLU MENGGUNAKAN BAHAN INI

Pada minggu selepas keluarga telah merayakan Misa Hari Minggu Biasa Ke-11.

DOA PEMBUKAAN

Allah Bapa di Syurga, kami berkumpul di sini dalam nama Yesus. Terima kasih kerana mengingatkan kami bahawa walaupun iman kami sekecil biji sesawi, kami masih boleh melakukan perkara besar untukMu. Roh Kudus, bimbinglah kami dalam perhimpunan bersama keluarga kami. Dalam nama Yesus kami memohon. Amin



RENUNGAN SABDA

Jemput seseorang untuk membaca Bacaan dari **Markus 4: 26 - 34**. Kemudian, sebagai satu keluarga, buat refleksi ke atas pertanyaan-pertanyaan yang telah disediakan, dan kongsikan pendapat anda bersama ahli keluarga. Sekiranya perlu, ibubapa boleh mengubah-suai soalan-soalan tersebut berdasarkan tahap pemahaman anak-anak.

MASA UNTUK RENUNGAN DAN RESPON

Perkara-perkara mudah yang kita ungkapkan atau buat boleh mempunyai pengaruh yang besar. Satu orang boleh mempengaruhi ramai orang, walaupun tanpa menyedarinya. Kerajaan Allah di dunia bertumbuh mengikut kuasaNya sendiri, dan tiada sesiapa pun yang dapat menghentikannya.. sama seperti sebiji benih yang baik yang sedang bertumbuh di bawah tanah.

Allah ada di sini, di sana dan di mana sahaja. Sama seperti benih boleh bertumbuh di mana saja di ladang, kerajaan Allah juga boleh bertumbuh dalam kehidupan seseorang mahupun komuniti dalam cara yang ajaib dan menakjubkan.

Biji sesawi tersebut menjadi pokok untuk semua; begitu juga Kerajaan Allah untuk setiap lelaki, perempuan dan kanak-kanak. Pernahkah anda pernah membawakan sesuatu dari kerajaan Allah kepada orang di sekeliling anda – kasih dan damai, doa dan iman, keadilan dan harapan? Hari ini, marilah kita merenungkan pemerintahan Allah dalam hidup kita dan di dalam dunia.

Ya Tuhan, bantulah saya untuk sedar akan tugas saya dalam menabur benih, walau sekecil manapun, dan menaruh pengharapan agar ianya bercambah dan bertumbuh, serta datang untuk menuainya menurut waktumu.

1. Adakah saya sedar akan pemerintahan Allah dalam hidup saya? Bagaimanakah saya boleh membenarkan pemerintahan Allah mengubah hidup sehari-saya?
 2. Bagaimanakah saya mengalu-alukan karunia-karunia Allah, walau sekecil manapun, dalam hidup saya? Apakah tiga “karunia” yang telah diberikan oleh Allah kepada saya yang saya sangat bersyukur?
 3. Bagaimanakah saya berkongsi karunia-karunia yang telah saya terima dari Allah dengan saudara-saudari yang lain?
-


AKTIVITI-AKTIVITI BERKAITAN

Pada muka surat seterusnya, terdapat beberapa aktiviti untuk kanak-kanak, yang berkisarkan tentang Bacaan Injil pada minggu ini. Pilihlah mana-mana aktiviti yang anda ingin lakukan bersama anak-anak anda, tetapi jika boleh, buatlah semua aktiviti yang ada

Aktiviti #1: Selesaikan Teka Silang Kata.

Perumpamaan Tentang Biji Sesawi

Kata-Nya lagi: "Dengan apa hendak kita membandingkan Kerajaan Allah itu, atau dengan perumpamaan manakah hendaknya kita menggambarkannya? Hal Kerajaan itu seumpama biji sesawi yang ditaburkan di tanah. Memang biji itu yang paling kecil dari pada segala jenis benih yang ada di bumi. Tetapi apabila ia ditaburkan, ia tumbuh dan menjadi lebih besar dari pada segala sayuran yang lain dan mengeluarkan cabang-cabang yang besar, sehingga burung-burung di udara dapat bersarang dalam naungannya." (Markus 4: 30 – 32)



MELINTANG

5. Sesuatu makhluk yang bersayap dan dipenuhi dengan bulu
6. Paling kecil antara semua
7. Sesuatu yang bercambah atas tanah, kebiasaanya berdaun atau berbunga
8. Tempat di mana burung bertelur

MENEGAK

1. Tempat di mana tumbuh-tumbuhan bercambah dan membesar
2. Cerita yang disampaikan oleh Yesus bagi menjelaskan lagi ajaranNya
3. Paling besar antara semua
4. Biji daripada buah kecil (seperti padi dan lain-lain) yang akan ditanam

KEBUN SARANG	BURUNG TERBESAR	PERUMPAMAAN TUMBUHAN	BENIH TERKECIL
-----------------	--------------------	-------------------------	-------------------


Aktiviti #2: Cari Perkataan.

I	C	G	N	U	R	U	B	E	A	I	N	D	C
J	K	N	H	E	B	N	T	A	N	A	M	A	N
I	U	R	R	B	K	A	A	L	N	U	B	L	H
B	N	L	B	I	E	U	U	I	A	C	E	N	R
E	I	A	S	U	R	N	R	R	G	S	R	I	N
A	E	U	R	B	A	E	I	M	N	E	T	A	A
G	A	R	N	A	J	J	T	H	U	S	U	E	R
N	E	A	S	B	A	T	U	T	D	A	M	T	A
I	I	R	A	H	A	B	A	T	N	W	B	T	D
L	I	B	I	A	N	N	I	R	I	I	U	J	R
E	N	T	U	I	E	G	A	G	L	H	H	U	N
T	A	B	A	T	W	B	N	R	R	I	B	E	A
I	K	A	W	A	A	J	R	R	E	U	A	E	B
H	A	B	M	A	C	R	E	B	P	R	R	R	T

**KERAJAAN
BERCAMBAH
BENIH
PERLINDUNGAN
BURUNG
BIJI
BERTUMBUH
TELINGA
TANAMAN
HARI
SESAWI
TUAIAN**




Aktiviti #3: Buat Cerita Menggunakan Perkataan Anda Sendiri.



Aktiviti #4: Selesaikan Teka Silang Kata.

Perumpamaan Tentang Biji Sesawi

Kata-Nya lagi: "Dengan apa hendak kita membandingkan Kerajaan Allah itu, atau dengan perumpamaan manakah hendaknya kita menggambarkannya? Hal Kerajaan itu seumpama biji sesawi yang ditaburkan di tanah. Memang biji itu yang paling kecil dari pada segala jenis benih yang ada di bumi. Tetapi apabila ia ditaburkan, ia tumbuh dan menjadi lebih besar dari pada segala sayuran yang lain dan mengeluarkan cabang-cabang yang besar, sehingga burung-burung di udara dapat bersarang dalam naungannya." (Markus 4: 30 – 32)




KERAJAAN	TERKECIL	SARANG	BURUNG	SESAWI
CERITA	KEBUN	DITANAM	TERBESAR	TANAH
RANTING	TUMBUHAN	BIJI	BENIH	YESUS

Aktiviti #5: Bantu burung ini untuk sampai ke puncak pokok sesawi ini.

parable

BIJI SESAWI

Bantu burung ini untuk sampai ke puncak pokok sesawi ini.



maxipraise
© 2002

Yesus berkata bahawa Kerajaan Syurga itu seperti sebutir biji sesawi. Sebijii benih sesawi adalah yang paling kecil dikalangan benih-benih, namun apabila disemai benih itu akan tumbuh menjadi satu pokok yang besar. Pokok sesawi ini menyediakan satu tempat pelindungan bagi burung-burung yang datang berihat dan membuat sarang-sarang.

Aktiviti #6: Pecahkan Kod berikut.

Perumpamaan Tentang Biji Sesawi

Kata-Nya lagi: "Dengan apa hendak kita membandingkan Kerajaan Allah itu, atau dengan perumpamaan manakah hendaknya kita menggambarkannya? Hal Kerajaan itu seumpama biji sesawi yang ditaburkan di tanah. Memang biji itu yang paling kecil dari pada segala jenis benih yang ada di bumi. Tetapi apabila ia ditaburkan, ia tumbuh dan menjadi lebih besar dari pada segala sayuran yang lain dan mengeluarkan cabang-cabang yang besar, sehingga burung-burung di udara dapat bersarang dalam naungannya." (Markus 4: 30 – 32)



Setiap nombor mewakili satu huruf abjad. Gantikan susunan nombor dengan huruf yang betul untuk mendedahkan perkataan yang berkod ini.

T	E	G	B	W	J	C	D	M	F	A	R	L	Q	Y	O	H	X	Z	U	S	V	P	K	I	N
1	2	3	4	5	6	7	8	9	10	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20	21	22	23	24	25	26

1. 23-2-12-20-9-23-11-9-11-11-26 _____
2. 24-2-12-11-6-11-11-26 _____
3. 21-2-21-11-5-25 _____
4. 4-2-26-25-17 _____
5. 1-20-9-4-20-17-11-26 _____
6. 1-2-12-24-2-7-25-12 _____
7. 1-2-12-4-2-21-11-12 _____
8. 8-25-21-2-9-11-25 _____
9. 4-20-12-20-26-3 _____
10. 21-11-12-11-26-3 _____


DISEMAI TERKECIL	SESAWI PERUMPAMAAN	KERAJAAN BURUNG	SARANG TERBESAR	TUMBUHAN BENIH
---------------------	-----------------------	--------------------	--------------------	-------------------

Aktiviti #7: Bantu benih ini untuk menemui jalan yang betul.

BIJI SESAWI TUMBUH SECARA SENYAP

**Benih perlu tumbuh melalui bumi untuk bercambah.
cari laluan yang betul untuk putik itu menjala**

Yesus berkata bahawa Kerajaan Syurga itu seperti apabila seorang pekebun menyemai benih diatas tanah. Dia kemudian berihat, tidur, bangun keesokan hari dan menjalani kehidupannya. Sambil dia melakukan ini, benih tadinya akan tumbuh, berkembang, bercambah dan membesar menjadi tumbuhan yang menghasilkan bijiran, gandum atau buah yang sedia untuk dituai. Apabila tujuan sudah masak dan sedia, maka pekebun akan keluar untuk menuai, memotong dan mengambil bijiran, gandum atau buah dan membiarkan apa yang tidak berguna untuk dia.



Aktiviti #8: Cari Perkataan.

Menyemai Benih – Menyaksikan ia bercambah


Lalu kata Yesus: "Beginilah hal Kerajaan Allah itu: seumpama orang yang menaburkan benih di tanah, lalu pada malam hari ia tidur dan pada siang hari ia bangun, dan benih itu mengeluarkan tunas dan tunas itu makin tinggi, bagaimana terjadinya tidak diketahui orang itu. (Markus 4: 26 – 27)




C	O	N	Q	Q	G	T	F	V	G	M	F	O	X	N
U	E	I	A	G	N	H	E	N	U	P	V	M	U	U
T	O	P	G	O	A	M	A	C	W	E	D	E	K	S
R	G	P	Y	H	R	T	J	N	S	N	V	N	E	K
V	B	E	R	C	A	M	B	A	H	G	B	U	R	E
T	R	C	G	M	S	X	I	B	S	H	W	A	A	P
H	A	V	W	N	G	X	X	X	B	E	E	I	J	A
M	S	N	X	M	A	L	A	M	H	N	B	P	A	L
Y	E	J	A	I	N	I	A	W	K	D	N	R	A	A
K	B	N	W	H	D	J	S	Q	K	A	H	V	N	Z
H	M	D	Y	I	U	Y	S	I	B	P	P	H	L	H
M	E	E	V	E	M	R	U	D	I	T	N	S	I	V
K	M	I	N	O	M	R	Y	B	C	Q	N	N	N	M
A	K	U	S	N	N	A	L	L	A	H	E	Q	C	J
D	A	L	D	Y	M	K	I	H	B	B	N	K	S	Q

MATANG	KERAJAAN	SARANG	BERCAMBAH
SIANG	TANAH	BENIH	GANDUM
KEPALA	MEMBESAR	MALAM	ALLAH
TIDUR	MENUAI	MENYEMAI	PENGHENDAP

Aktiviti #9: Warnakan Gambar ini.



Aktiviti #10: Aktiviti Perumpamaan Benih Sesawi.



Bahan-bahan yang diperlukan:

- Kertas A4 berwarna biru ataupun mana-mana kertas warna lain yang bersesuaian.
- Kertas berwarna Coklat.
- Kertas berwarna Hijau.
- Keping kecil Kertas berwarna putih.
- Beberapa pelekat berbentuk burung ataupun boleh dibuat dengan sendiri dengan menggunakan kertas berwarna yang boleh ditemui dalam rumah anda ataupun dari majalah-majalah.
- Gam, pen marker, krayon, guting

1. Jadikan kertas biru sebagai latar belakang.
2. Potong satu bentuk batang pokok dari kertas berwarna coklat dengan membuat potongan garisan melengkuk(seperti dalam gambar). Ini menjadi batang pokok.
3. Lekatkan bentuk batang ini dibahagian tengah kertas berwarna biru.
4. Ambil kertas berwarna hijau.
5. Lipat kertas berwarna hijau ini.
6. Potong bentuk-bentuk hati dari kertas berwarna hijau ini. Itu menjadi daun-daun.
7. Lekatkan daun-daun itu dibahagian atas batang pokok.
8. Lekatkan kepingan kecil kertas putih pada kertas biru tadi. Tulis "Saiz Biji Sesawi" pada kertas putih itu.
9. Lukis satu titik kecil berwarna hitam pada kepingan kecil kertas putih tadi. Ini menjadi biji benih sesawi (seperti dalam gambar).
10. Dengan krayon berwarna merah, lukis satu anak panah dari kepingan kertas putih itu menuju kepada pokok.
11. Tulis "Saiz Pokok Sesawi" dibahagian tengah batang pokok itu.
12. Tulis "PERUMPAMAAN BIJI SESAWI" pada bahagian atas kertas berwarna biru tadi.
13. Potong bentuk-bentuk burung daripada majalah-majalah ataupun dari mana-mana sumber yang lain.
14. Lekatkan burung-burung itu pada daun-daun.